

UMSKAL... Kampus Pesisir Pantai
29 Ogos, 2007. *New Sabah Times*, ms. 10
Oleh **Jakaria Dasan**

Apabila ombak menerjah pantai maka akan berubahlah sedikit demi sedikit wajah pantai itu kerana pasir yang membentuk pantai akan goyah dan hanyut bersama ombak yang kembali ke laut. Demikianlah berlakunya proses perubahan kejadian alam di tepi pantai, "sekali air bah (ombak) sekali pasir berubah." Namun demikian, struktur dan wajah pantai secara keseluruhannya tidak mudah berubah. Kerana ombak yang datang selepas itu akan kembali bersama pasir-pasir yang baru untuk membentuk semula kejadian pantai yang asal. Cuma kadangkala, ombak yang luar biasa besarnya akan merempuh pantai lalu mengakibatkan hakisan yang akan merubah bentuk geografi muka buminya yang asal. Ombak Tsunami adalah salah satu dari contoh yang akan terus kekal terpahat diingatan seluruh masyarakat di dunia buat sekian lamanya.

Dalam menempuh alam kemahasiswaan, mahasiswa boleh melihat butir-butir pasir itu seperti cabaran-cabaran yang akan sering melanda kehidupan mereka sewaktu belajar di universiti. Pelbagai isu yang memberi kekangan dan halangan akan sering dihadapi semasa berada di universiti. Kekangan dan halangan itu termasuklah seperti isu-isu keselamatan, kemahiran berbahasa Inggeris, asrama kediaman, pengangkutan dari Kolej Kediaman ke Kampus dan pelbagai isu dan cabaran lainnya yang akan terus dihadapi oleh para pelajar. Sekali-sekala mungkin akan berlakulah pula kes-kes keterlibatan mahasiswa dalam jenayah. Semuanya ini ibarat ombak yang datang bersama butiran-butiran pasir tadi. Pasir tetap datang dan pergi, pantai tidak banyak yang berubah.

Dalam Majlis Ramah Mesra bersama para pelajar UMS Kampus Antarabangsa Labuan

(UMSKAL) pada 21 Ogos 2007, Naib Canselor telah menyampaikan mesej ini kepada mahasiswa UMSKAL yang memenuhi Dewan UMSKAL. Mahasiswa telah diingatkan agar sentiasa meletakkan aspek keselamatan dan prestasi akademik sebagai dua aspek terpenting bagi memastikan mereka berjaya dengan cemerlang dalam pembelajaran mereka sehingga kelak menjadi graduan kebanggaan keluarga, masyarakat dan negara.

UMSKAL merupakan kampus cawangan UMS yang menawarkan kursus-kursus Teknologi Multimedia, E-Dagang, Kewangan Antarabangsa, Perbankan Antarabangsa dan Luar Pesisir, Pemasaran Antarabangsa, Ekonomi Kewangan Antarabangsa dan Kewangan Islam. Kursus-kursus ini ditawarkan melalui Sekolah Sains Informatik Labuan dan Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan. Pengurusan Kampus UMSKAL adalah diletakkan di bawah pentadbiran Prof. Syed Azizi Syed Khalid Wafa iaitu Pengarah Kampus UMSKAL.

“Ingatlah tatkala anda membuat panggilan telefon yang pertama kepada ibu bapa anda, dimana anda mengatakan anda selamat dan sihat. Ingatlah betapa gembiranya ibu bapa anda apabila mendengarkan khabar yang pertama anda itu. Jelas dan terang riak kegembiraan mereka bila mendengar suara dan keadaan anda itu. Justeru, hindarilah segala aktiviti atau tingkah laku yang memudaratkan yang tidak baik kerana mereka tidak mungkin sanggup mendengar perkhabaran lain atau terakhir dari orang lain mengenai nasib anda kemudiannya.” Naib Canselor membayangkan bagaimana mahasiswa itu perlu berhati-hati dan sentiasa mengutamakan aspek keselamatan selama mengikuti pembelajaran di universiti. Mahasiswa sebenarnya perlu mendalami

kerisauan ibu bapa dalam menjalani kehidupan di Universiti.

Dalam Prinsip ke-4 Rukunegara disebut mengenai 'Kedaulatan Undang-Undang.' Prinsip ini dengan jelas meletakkan betapa undang-undang itu wajib dihormati dan amat kebal posisinya. Samada anda mencuri RM1, RM 10 atau RM 100, tidak ada bezanya. Anda tetap dihukum sebagai pencuri. Demikian juga dengan memandu kereta tanpa lesen atau memandu dengan berbahaya. Anda bukan sahaja melakukan kesalahan malah pada masa yang sama anda telah mengganggu gugat keadaan keselamatan diri dan orang lain. Anda wajar dikenakan hukuman berdasarkan kedaulatan undang-undang yang digubal melalui Parlimen. Mahasiswa perlu peka kepada prinsip ini.

Prinsip ke-5 Rukunegara menyebut mengenai 'Kesopanan dan Kesusilaan' yang secara jelas menegaskan bahawa dalam kehidupan masyarakat majmuk aspek ini perlu diberikan perhatian. Rasa sopan dan hormat kepada orang lain akan memupuk dan menyemarakkan lagi perpaduan antara kaum yang kukuh terjalin selama ini. Kampus perlu diharmonikan berdasarkan asas ini kerana disinilah anak-anak muda yang menjadi pewaris kepimpinan dimasa hadapan mula mengasah bakat dan kembali memurnikan kesopanan dan kesusilaan mereka.

Sebuah kisah menceritakan bahawa seorang anak muda kelihatan mengutip ribuan tapak sulaiman yang terdampar di sebuah pantai yang panjang. Anak muda itu mengutip tapak-tapak sulaiman itu lalu mencampakkannya di laut. Perbuatannya itu dilihat oleh seorang yang lebih dewasa darinya. Lalu orang itu pun menegur anak muda dengan berkata, "Perbuatan anda ini nampak sia-sia, kerana terdapat beratus ribu

tapak sulaiman di sepanjang pantai ini." Anak muda itu yang kelihatan kepenatan pun menjawab, "sekurang-kurangnya aku mampu berbangga kerana dapat menyelamatkan sebahagian kecil dari mereka dengan memastikan mereka kembali ke laut dengan selamat." Orang dewasa itu berasa malu dan kemudiannya mengikuti apa yang dilakukan oleh anak muda tadi.

Pada kesempatan yang sama, Yang Berbahagia Naib Canselor turut menyampaikan amanat kepada para pensyarah yang hadir akan pentingnya usaha dan komitmen seorang pensyarah itu dalam mendidik anak bangsa menjadi graduan yang matang dan bistari. Seluruh mahasiswa adalah merupakan kalangan mereka yang telah teruji kecemerlangan pendidikan mereka di peringkat sekolah. Justeru tidak ada sebab mengapa mereka tidak boleh dididik dengan mudah untuk membolehkan mereka mencapai kejayaan atau PNGK yang lebih baik. Seperti kisah anak muda tadi, para pensyarah perlu melakukan yang terbaik dan tidak mudah putus asa walau pelbagai kekangan atau halangan dihadapi. Para pensyarah perlu berfikiran bahawa para pelajar itu adalah juga anak-anak atau ahli keluarga sendiri yang perlu diasuh menjadi modal insan yang berilmu.

Pada setiap sesi kemasukan pelajar baru ke kampus sudah pasti akan terdengarlah cabaran-cabaran yang sama sepertimana dialami oleh mahasiswa sebelumnya. Akan tetapi sebaik sahaja memulakan pengajian dan beberapa lama selepas itu, segala cabaran itu akan diatasi dan akhirnya para pelajar akan dapat menjalani sesi kuliah dengan baik. Pihak Universiti amat berterimakasih dengan pelbagai sungutan yang datang khususnya daripada para ibu bapa pada minggu pendaftaran yang lalu. Segalanya telah pun diatasi dan tentunya

akan menjadi asas yang berguna untuk memastikan keberkesanan proses yang sama pada setiap sesi kemasukan pelajar baru.

Bermula pada 26 Ogos hingga 4 September 2007, UMS sekali lagi akan menjadi medan pertemuan seluruh masyarakat di Malaysia dimana, Pesta Konvo Tamu Gadang dan Majlis Konvokesyen kali yang ke 9 akan berlangsung. Pengurusan UMS mengucapkan selamat datang kepada seluruh ahli keluarga, rakan dan taulan ke UMS~Universiti Rakyat. UMS sentiasa prihatin dan akan memastikan ibu bapa dan ahli keluarga yang datang bukan hanya mampu tersenyum dengan anak atau ahli keluarga yang mendapat segulung ijazah, malah kesempatan berada di UMS khususnya dan di Negeri Sabah di Bawah Bayu amnya adalah suatu masa yang amat menyeronokkan.